

# Istiadat **KONVOKESYEN** 16 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

**21 – 24 NOVEMBER 2022**  
**DEWAN ILMU**  
**KAMPUS ALAM UnIMAP**  
**PAUH PUTRA**



#UniMAPMantap #Unimap4Society #Engineering4Society  
Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan


  
#UniversitiMalaysiaPerlis

#gemilangbersamaunimap  
[www.unimap.edu.my](http://www.unimap.edu.my)



TAHUN	PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN	PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN	PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERNIAGAAN	PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI MEDIA BAHARU	PROGRAM SARJANA	PROGRAM DOKTOR FALSAFAH	PROGRAM MASTER PROFESIONAL	PROGRAM DIPLOMA PROFESIONAL	JUMLAH
2006	-	107	-	-	-	4	-	-	-	111
2007	-	554	-	-	-	9	-	-	-	563
2008	-	645	-	-	-	4	3	-	-	652
2009	245	751	-	-	-	15	1	-	-	1012
2010	229	910	-	-	-	30	7	-	-	1176
2011	222	954	-	-	-	58	4	-	-	1238
2012	243	1230	284	-	-	61	12	-	-	1830
2013	214	1292	298	-	-	63	27	-	-	1894
2014	308	1128	295	-	-	100	44	-	-	1875
2015	366	1534	335	26	-	142	37	-	-	2440
2016	414	1563	460	250	-	169	50	-	-	2906
2017	329	1424	466	562	136	188	75	-	-	3180
2018	382	1669	504	654	153	169	92	-	-	3623
2019	412	1680	492	651	149	149	114	-	-	3647
2020	292	1083	521	523	166	117	60	-	-	2762
2021	415	1285	499	535	151	116	56	4	5	3066
<b>Jumlah</b>	<b>4071</b>	<b>17809</b>	<b>4154</b>	<b>3201</b>	<b>755</b>	<b>1394</b>	<b>582</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>31975</b>

## PERATUSAN PECAHAN GRADUAN 2021 MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN



Istiadat  
**KONVOKESYEN 16**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

**21 – 24 NOVEMBER 2022**  
**DEWAN ILMU**  
**KAMPUS ALAM Unimap**  
**PAUH PUTRA**



**SIDANG 1**  
**23 NOVEMBER 2022 (RABU)**

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba DYTM Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan DYTm Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Kehormat
	-	Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	•	Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian)(Keusahawanan Kejuruteraan)
	-	Pengurniaan Pingat dan Anugerah
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Wakil Graduan
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTm Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Perarakan DYTm Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.15 tengah hari	-	Keberangkatan Balik DYTm Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

\*Tarikh asal ialah 19 November 2022 (Sabtu)



## SIDANG 2 23 NOVEMBER 2022 (RABU)

2.00 petang	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	-	Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	-	Keberangkatan Tiba DYTM Pro Canselor UniMAP
2.50 petang	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	-	Perarakan DYTM Pro Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	•	Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian)(Perniagaan Antarabangsa)
	•	Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu(Kepujian)
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTM Pro Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Perarakan DYTM Pro Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	-	Keberangkatan Balik DYTM Pro Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

\*Tarikh asal ialah 19 November 2022 (Sabtu)

**SIDANG 3**  
**24 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)**

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba DYTm Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan DYTm Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Mikroelektronik)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Komputer)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Elektronik)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Perhubungan)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Fotonik)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Rangkaian Komputer)
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTm Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Perarakan DYTm Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.00 tengah hari	-	Keberangkatan Balik DYTm Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

\*Tarikh asal ialah 20 November 2022 (Ahad)

**SIDANG 4**  
**24 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)**

2.00 petang	- Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	- Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	- Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	- Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	- Keberangkatan Tiba DYTM Pro Canselor UniMAP
2.50 petang	- Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	- Perarakan DYTM Pro Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	- Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	- Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	- Doa
	- Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	- Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik(Kepujian)(Sistem Elektronik)</li> <li>● Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian)(Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik)</li> <li>● Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Rekabentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian</li> <li>● Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik(Kepujian)(Elektronik Bersepadu)</li> <li>● Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Awam)</li> <li>● Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Alam Sekitar)</li> <li>● Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Kepujian)(Pembinaan)</li> </ul>
	- Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	- Ucapan Naib Canselor UniMAP
	- Titah Ucapan DYTM Pro Canselor UniMAP
	- Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	- Perarakan DYTM Pro Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	- Keberangkatan Balik DYTM Pro Canselor UniMAP
	- Majlis Bersurai

\*Tarikh asal ialah 20 November 2022 (Ahad)

## SIDANG 5 21 NOVEMBER 2022 (ISNIN)

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba DYTEM Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan DYTEM Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Mekatronik)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian)(Kuasa Industri)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kepujian)(Teknologi Robotik dan Automasi)
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTEM Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Perarakan DYTEM Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.00 tengah hari	-	Keberangkatan Balik DYTEM Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai



**SIDANG 6**  
**21 NOVEMBER 2022 (ISNIN)**

2.00 petang	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	-	Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	-	Keberangkatan Tiba DYTM Pro Canselor UniMAP
2.50 petang	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	-	Perarakan DYT Pro Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Mekanikal)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Pembuatan)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Rekabentuk Produk)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian)(Pemesinan)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian)(Sistem Pertanian)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembangunan Produk)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian)(Pemprosesan Bahan)
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYT Pro Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Perarakan DYT Pro Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	-	Keberangkatan Balik DYT Tuanku Pro Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

**SIDANG 7**  
**22 NOVEMBER 2022 (SELASA)**

8.00 pagi	-	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 pagi	-	Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
8.20 pagi	-	Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
8.30 pagi	-	Ketibaan Dif-dif Kehormat
9.00 pagi	-	Keberangkatan Tiba DYTm Canselor UniMAP
9.15 pagi	-	Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
9.30 pagi	-	Perarakan DYTm Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	-	Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	-	Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	-	Doa
	-	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	-	Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan dengan Kepujian
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Bahan)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Bioproses)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Polimer)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Metalurgi)
	•	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Kejuruteraan Biosistem)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian)(Teknologi Makanan)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian)(Proses Kimia Industri)
	•	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian)(Bioteknologi Industri)
	-	Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	-	Ucapan Naib Canselor UniMAP
	-	Titah Ucapan DYTm Canselor UniMAP
	-	Pengisytiharan Penungguhan Istiadat Konvokesyen
	-	Perarakan DYTm Canselor UniMAP Keluar Dewan
12.00 tengah hari	-	Keberangkatan Balik DYTm Canselor UniMAP
	-	Majlis Bersurai

**SIDANG 8**  
**22 NOVEMBER 2022 (SELASA)**

2.00 petang	- Ketibaan Tetamu Jemputan
2.10 petang	- Ketibaan YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri
2.15 petang	- Ketibaan YM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
2.30 petang	- Ketibaan Dif-dif Kehormat
2.45 petang	- Keberangkatan Tiba DYTM Pro Canselor UniMAP
2.50 petang	- Perarakan Besar Masuk Ke Dewan
3.00 petang	- Perarakan DYTm Pro Canselor UniMAP Masuk Ke Dewan
	- Lagu Negaraku dan WAWASANKU
	- Bacaan Potongan Ayat Suci Al-Quran
	- Doa
	- Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	- Penganugerahan Diploma
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik)</li> <li>• Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik)</li> <li>• Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer)</li> <li>• Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik)</li> <li>• Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Metalurgi)</li> <li>• Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan)</li> </ul>
	- Penganugerahan Master Profesional
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Master Eksekutif Pengurusan Projek Pembinaan</li> </ul>
	- Penganugerahan Diploma Profesional
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diploma Profesional Penyeliaan Tapak Pembinaan</li> </ul>
	- Pengurniaan Pingat
	- Pengumuman Penerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Pemenang Hadiah Kecemerlangan Akademik
	- Ucapan Naib Canselor UniMAP
	- Titah Ucapan DYTm Pro Canselor UniMAP
	- Pengisytiharan Penangguhan Istiadat Konvokesyen
	- Perarakan DYTm Pro Canselor UniMAP Keluar Dewan
4.30 petang	- Keberangkatan Balik DYTm Tuanku Pro Canselor UniMAP
	- Majlis Bersurai

Istiadat  
**KONVOKESYEN 16**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS







# *Tuanku Canselor*

**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

D.K., S.P.M.P., P.A.T.

Doctor of Education (Honoris Causa)

La Trobe University Melbourne, Australia

Honorary Doctorate in Management Science, Yala Rajabath University, Thailand

**Raja Muda Perlis**

**Canselor UniMAP**

Istiadat  
**KONVOKESYEN 16**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS





# *Tuanku Pro Canselor*

**DULI YANG TERAMAT MULIA  
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

S.P.M.P.  
Honoris Causa in Health Sciences  
(Universidad Nacional Pedro Henriquez Ur̄ena, DR)

**Raja Puan Muda Perlis  
Pro Canselor UniMAP**



Istiadat  
**KONVOKESYEN 16**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
PERLIS



**YM. RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF**

D.P.T.J., A.N.S, A.M.P.

Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP





**YBHG. PROF. DATO' TS. DR. ZALIMAN SAULI**  
D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P.  
Naib Canselor UniMAP

## LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**PENGERUSI**  
**YM. RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF**  
D.P.T.J., A.N.S., A.M.P.  
Pengerusi Eksekutif  
Percon Corporation Sdn. Bhd.



**YBHG. PROF.**  
**DATO' TS. DR. ZALIMAN SAULI**  
D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P.  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis



**YBRS. ENCIK MD FARISHZAN ISMAIL**  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Fiskal & Ekonomi  
Kementerian Kewangan Malaysia



**YBRS. DR. WAN BAHARUDIN**  
**WAN MAHMOOD**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar  
Kementerian Pengajian Tinggi



**YBRS. PUAN AZIHANI ALI**  
P.J.B., S.M.P.  
Setiausaha Sulit Khas kepada  
Menteri Besar Perlis





**YBHG. PROF. DR. KHAIRUL AZWAN ISMAIL**  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi  
Elektronik UniMAP



**YBRS. ENCIK ZAINAL AZNI ZULKIFLI**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
RISDA Holdings Sdn. Bhd



**YBHG DATO' TS. DR. MOHAMMAD NAIM YAAKUB**  
P.M.K., J.S.M., D.S.P.N., D.I.M.P.  
Mantan Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej  
Komuniti



**YBHG. DATO' SRI SYED SALEH SYED ABDUL RAHMAN**  
D.S.D.K., D.M.P.N., D.P.M.S., S.S.A.P.  
Pengarah Eksekutif Haji  
Lembaga Tabung Haji



**YBRS. PUAN NORLEZA ABU BAKAR**  
Senior Corporate Advisor  
Asia Equity Research Sdn. Bhd



**SETIAUSAHA**  
**YBRS. TUAN HAJI MOHD SAAD DIN**  
P.M.P., B.C.N.  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis

## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



**YBHG. PROF. DATO' TS.  
DR. ZALIMAN SAULI**  
D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P.  
Naib Canselor



**PROF. DR. MOHD YUSOFF MASHOR**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)



**PROF. DR. MOHD FO'AD SAKDAN**  
S.S.P.  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**PROF. IR. DR. RIZALAFANDE CHE ISMAIL**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)





**TUAN HAJI MOHD SAAD DIN**  
P.M.P., B.C.N.  
Pendaftar



**ENCIK RUSDI PUTEH**  
P.M.P., P.J.K.  
Bendahari



**PUAN MAZMIN MAT AKHIR**  
P.M.P., A.M.P.  
Ketua Pustakawan



**ENCIK ZAINUDIN ZAINON**  
Penasihat Undang-undang

## AHLI SENAT



**YBHG. PROF. DATO' TS.  
DR. ZALIMAN SAULI**  
D.P.S.K., S.M.P., P.S.K., A.M.P.  
Naib Canselor



**PROF. DR. MOHD YUSOFF MASHOR**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)



**TUAN HAJI MOHD SAAD DIN**  
P.M.P., B.C.N.  
Pendaftar



**PROF. IR. DR. RIZALAFANDE CHE ISMAIL**  
A.M.P.  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)



**ENCIK RUSDI PUTEH**  
P.M.P., P.J.K.  
Bendahari



**PROF. DR. MOHD FO'AD SAKDAN**  
S.S.P.  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**PUAN MAZMIN MAT AKHIR**  
P.M.P., A.M.P.  
Ketua Pustakawan



**ENCIK ZAINUDIN ZAINON**  
Penasihat Undang-undang



**PROF. IR. DR. ABU HASSAN  
ABDULLAH**  
S.S.P.  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



**PROF. IR. TS. DR. WAN KHAIRUNIZAM  
WAN AHMAD**  
Pengaruh  
Pusat Pembangunan Kepimpinan  
Pendidikan Lestari



**PROF. DR. KHAIRUL AZWAN ISMAIL**  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



**PROF. IR. DR. MOHD SHUKRY  
ABDUL MAJID**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal



**PROF. DATO' DR. ALI YEON  
MD SHAKAFF**  
D.S.D.K., J.M.N., S.M.P., S.S.P.  
Profesor  
Institut Agroteknologi Lestari



**PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON**  
S.S.P., A.M.K.  
Pengaruh Kanan  
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti



**PROF. TS. DR. MOHD. MUSTAFA ALBAKRI  
ABDULLAH**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia



**PROF. IR. TS. DR.  
SYED ALWEE ALJUNID SYED JUNID**  
S.S.P.  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



Istiadat  
**KONVOKESYEN 16**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



**PROF. DR. ABDUL HAMID ADOM**  
S.S.P.  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



**PROF. DR. ABDULLAH CHIK**  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia



**PROF. MADYA DR. TUNKU SALHA  
TUNKU AHMAD**  
Dekan  
Fakulti Perniagaan & Komunikasi



**PROF. IR. TS. DR. HAZRY DESA**  
A.M.P.  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik



**PROF. MADYA TS. DR.  
SITI KHADIJAH ZA'ABA**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik



**PROF. MADYA IR. DR. RUSLIZAM DAUD**  
Pengaruh  
Pusat Pengurusan Akademik



**PROF. DR. PRABAKARAN A/L POOPALAN**  
Profesor  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik



**PROF. MADYA TS.  
DR. CHE ZULZIKRAMI AZNER ABIDIN**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam



**PROF. MADYA TS.  
DR. ROZYANTY RAHMAN**  
Pengaruh  
Pusat Pengajian Siswazah





**DR. MAZ JAMILAH MASNAN**  
Pengarah  
Institut Kejuruteraan Matematik



**PROF. MADYA TS. DR. MUHAMMAD  
MAHYIDDIN RAMLI**  
Pengarah  
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik



**PROF. MADYA DR. NASRUL HAMIDIN**  
Pengarah  
Pusat Pembangunan Profesional  
& Pembelajaran Berterusan



**ENCIK AHMAD AKIF SYAKIRIN  
MOHD ADNAN**  
Yang Dipertua  
Majlis Perwakilan Pelajar



**CIK NUR HUSNINA MIZA MAZLAN**  
Timbalan Yang Dipertua  
Majlis Perwakilan Pelajar

## KETUA JABATAN

BIL	NAMA	GELARAN DAN JABATAN
1.	Prof. Ir. Dr. Abu Hassan Abdullah	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik
2.	Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik
3.	Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal
4.	Prof. Ts. Dr. Mohd. Mustafa Albakri Abdullah	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia
5.	Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner Abidin	Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam
6.	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad	Dekan, Fakulti Perniagaan & Komunikasi
7.	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon	Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti
8.	Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Daud	Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
9.	Prof. Madya Dr. Rozyanty Rahman	Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah
10.	Dr. Maz Jamilah Masnan	Pengarah, Institut Matematik Kejuruteraan
11.	Prof. Madya Ts. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi	Pengarah, Pusat TVET UniMAP
12.	Prof. Ir. Dr. Wan Khairunizam Wan Ahmad	Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
13.	Prof. Madya Ir. Dr. Umi Fazara Md. Ali	Pengarah, Pusat Libatsama Antarabangsa
14.	Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Hamidin	Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan
15.	Prof. Madya Dr. Naimah Ibrahim	Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan
16.	Ts. Dr. Fathinul Syahir Ahmad Sa'ad	Pengarah, Pusat Inovasi & Pengkomersialan
17.	Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Mahyiddin Ramli	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
18.	Prof. Madya Dr. Muhammad Imran Ahmad	Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
19.	Prof. Madya Dr. Khairul Rafezi Ahmad	Pengarah, Jabatan Pembangunan

BIL	NAMA	GELARAN DAN JABATAN
20.	Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya	Pengarah, Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari
21.	Encik Zulhillizan Othman	Pengarah, Penerbit UniMAP
22.	Encik Norazam Abdul Rashid	Pengarah, Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan
23.	Ir. Dr. Razaidi Hussin	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri & Agensi Kerajaan
24.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Arif Anuar Mohd Salleh	Pengarah, Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar
25.	Dr. Mahyun Ab Wahab	Pengarah, Pusat Kebudayaan
26.	Prof. Madya Ts. Dr. Nik Noriman Zulkepli	Pengarah, Pusat Kokurikulum
27.	Puan Wan Saniah Wan Yahya	Pengarah, Pusat Kaunseling
28.	Encik Nazmizan Muhammad	Pengarah, Pusat Sukan & Rekreasi
29.	Dr. Noradina Nordin	Pemangku Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
30.	Dr. Khairul Anwar Abdul Halim	Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni
31.	Puan Noora Md. Yusoff	Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar
32.	Prof. Madya Dr. Mohd Najmuddin Mohd Hassan	Pengarah, Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan
33.	Puan Normiza Othman	Pengarah, Pejabat Audit Dalam
34.	Prof. Madya Dr. Hanum Hassan	Pengarah, Institut Kajian Strategik & Komuniti
35.	Encik Muhammad Adib Hassan	Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan
36.	Ts. Nasrudin Abd Shukur	Pengarah, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital
37.	Dr. Nor'izah Ahmad	Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat
38.	Encik Mustaffa Ismail	Pengarah, Jabatan Keselamatan

# Ilmu **MENURUT** **PERSPEKTIF ISLAM**

Ilmu berasal daripada perkataan Arab, iaitu علم يعلم علم yang bererti tahu, mengetahui dan pengetahuan. Walau bagaimanapun, dari segi istilah pula ialah المعلوم ابر الك iaitu mengetahui sesuatu yang boleh diketahui. Manusia tanpa ilmu akan mudah berasa rendah diri. Harta kekayaan yang melimpah ruah sekalipun tidak akan bermakna tanpa memiliki ilmu yang cukup untuk mengurusnya.

Kekuatan sesebuah bangsa tidak diukur pada berapa banyak senjata nuklear dan harta yang dimilikinya, tetapi kekuatan sesebuah negara bangsa diukur pada ketinggian ilmu yang dimiliki oleh rakyatnya. Sebagai contoh, Jepun yang dibangunkan semula pesat oleh rakyatnya selepas musnah teruk dalam Perang Dunia Ke-2 sehingga berjaya menjadi sebuah daripada negara Asia yang disegani oleh negara-negara barat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa maju mundur sesebuah tamadun bangsa dilihat pada kekuatan dan ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh rakyatnya.

Islam meletakkan ilmu pada tahap yang paling tinggi nilainya, sebagaimana tertera dalam buku-buku agama:

“Sesiapa yang dikehendaki baik oleh Allah SWT, Maka Allah akan meluaskan pengetahuannya dalam hukum-hukum agama dan akan diilhamkan-Nya petunjuk di dalamnya”

Allah Ta’ala berfirman:

قل هل يستوى الذين يعلمون والذين لا يعلمون

“Katakanlah: “Apakah sama antara orang-orang yang mengetahui, (iaitu orang yang berilmu) dengan orang-orang yang tidak mengetahui (tidak berilmu)?” (az-Zumar, 39:9)

Usaha menuntut ilmu perlulah diseimbangkan antara ilmu dunia dengan ilmu akhirat. Penguasaan ilmu yang baik dan sempurna akan dapat membentuk keperibadian dan jati diri yang unggul. Manusia tanpa ilmu ibarat layang-layang tanpa tali, terbang bebas di angkasa tanpa arah dan



hala tuju yang jelas. Namun begitu, kebejatan sosial yang kian melanda para remaja dewasa ini dilihat amat berkait rapat dengan kurangnya penghayatan tentang ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah dalam kalangan remaja. Kesibukan ibu bapa dan ancaman globalisasi mengakibatkan para remaja hilang arah dan tumpuan dalam usaha menentukan jati diri sendiri. Tanpa rasa takut dan gentar, remaja bebas melakukan perkara-perkara yang amat bertentangan dengan hukum agama dan negara. Di sini, peranan ilmu amat penting untuk mengembalikan jati diri dan maruah bangsa. Penghayatan yang tinggi tentang sesuatu bidang ilmu itu akan dapat menjadikan seseorang itu lebih takut kepada Allah SWT dan sekali gus dapat meningkatkan ketakwaan kepada-Nya.

Allah berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang takut akan Allah daripada hambanya ialah orang-orang yang berilmu” (al-Fahtur:28)

Dari Abu Hurairah r.a., katanya Rasulullah SAW bersabda:

“Barang siapa yang menempuh sesuatu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan di situ, maka Allah akan mempermudah baginya

sesuatu jalan menuju ke syurga.” (Riwayat Muslim)

Penguasaan dan penghayatan yang jelas tentang sesuatu ilmu akan dapat memandu manusia ke jalan yang benar dan sekali gus dapat memimpin manusia daripada melakukan sebarang perbuatan yang dapat memudaratkan dan merosakkan diri, keluarga dan masyarakat. Prof. Dr. Hamka berkata: “Ilmu itu tiang untuk kesempurnaan akal, bertambah luas akal, bertambah luaslah pula hidup, bertambah datangnya bahagia. Bertambah sempit akal, bertambah sempit pula hidup, bertambah datangnya celaka.

Ilmu pengetahuan juga memungkinkan seseorang mendapat keredaan Allah dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Dari Abu Hurairah r.a., katanya:

Rasulullah SAW bersabda: “Apabila anak Adam (manusia) meninggal dunia, maka putuslah amalannya, iaitu tidak dapat menambah pahalanya lagi, melainkan daripada tiga macam perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dapat dimanfaatkan dan anak yang soleh yang suka mendoakan untuknya.” (Riwayat Muslim)

**“BARANG SIAPA YANG MENEMPUH SESUATU JALAN  
UNTUK Mencari Ilmu Pengetahuan di situ, maka  
Allah akan mempermudah baginya sesuatu  
Jalan menuju ke syurga.”**

**(Riwayat Muslim)**

## MISI

Melahirkan Insan Kamil yang  
Menyumbang kepada Agenda Pembangunan  
dan Daya Saing Industri Negara

## VISI

Universiti Teknikal yang  
Berdaya Saing di Persada Antarabangsa

## NILAI TERAS

ILMU, KEIKHLASAN, KECEMERLANGAN

## MATLAMAT DAN FALSAFAH

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis mempunyai matlamat menghasilkan siswazah kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan dan perniagaan yang dijalankan di universiti ini pada dasarnya menitikberatkan dan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program pengajian, pelajar turut dibekali kemahiran pengurusan, ilmu perakaunan, kemahiran keusahawanan, kemahiran berkomunikasi dan kursus kokurikulum tanpa mengesampingkan aspek pembangunan sahsiah. Pendekatan ini bertujuan melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang diikuti mereka, malah berupaya berdikari di samping mempunyai sifat mulia lagi terpuji.



## LAGU RASMI UniMAP

U NI VERSITI MA LAY SI A PER LIS A LAM KE JU RU TERA  
AN IL MU KE IKH LA SAN KE CE MER LA NGAN WA WA SAN JI WA KI  
TA BER DI KA RI RO HA NI AH BER TEK NO LO GI  
PE MIM PIN BER BESTA RI UN TUK BANG SA INSAN DAN U MATDU NI A NE GA  
RA YANG TER Cih TA U NI VER SI TI MA  
LAY SI A PER LIS A LAM KE JU RU TERAAN IL MU KE IKH LA SAN KE  
CE MER LANGAN WA WA SAN JI WA KI TA

### WAWASANKU

Universiti Malaysia Perlis  
Alam Kejuruteraan  
Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan  
Wawasan Jiwa Kita

Berdikari, Rohaniah, Berteknologi  
Pemimpin Berbestari  
Untuk Bangsa, Insan Dan  
Umat Dunia  
Negara Yang Tercinta

Universiti Malaysia Perlis  
Alam Kejuruteraan  
Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan  
Wawasan Jiwa Kita

### SEMANGAT UniMAP

Visi Universiti  
Visi Berintegriti  
Dinamik Bangsa Berinteraksi  
Visi Kita Semua  
Membina Jiwa Minda  
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Universiti  
Visi Berintegriti  
Dinamik Bangsa Berinteraksi  
Visi Kita Semua  
Membina Jiwa Minda  
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Cemerlang Gemilang Terbilang

### PENERANGAN LAGU WAWASANKU

Lagu WAWASANKU ialah lagu korporat UniMAP yang digubah dengan mengambil kira identiti, wawasan dan budaya yang diamalkan di Universiti ini. Perkataan "KU" adalah singkatan kepada diri sendiri ("milikku") dan juga "Kejuruteraan Universiti", iaitu bidang keutamaan UniMAP.

Mesej yang terkandung dalam lagu ini ialah misi, visi dan harapan UniMAP untuk berperanan dalam membina dan membangunkan bangsa, insan, negara yang tercinta dan umat dunia melalui semangat berdikari, kerohanian dan teknologi. Peranan dan harapan ini digarap melalui pencarian dan pengembangan ilmu yang dilakukan dengan ikhlas demi mencapai kecemerlangan dalam diri dan pemimpin bestari yang dilahirkan. Perkataan "alam" ialah suatu konsep, pengertian dan konteks yang luas, iaitu termasuklah alam cakerawala, fizikal dan kerohanian. Alam boleh bermaksud kepelbagaian skop/ruang lingkup, bidang dan dunia kejuruteraan. Alam juga dikaitkan dengan kepelbagaian konteks dan dimensi ilmu di dunia kejuruteraan.

Perkataan alam juga membawa maksud dunia atau bumi dan alam semula jadi. Perkataan "kejuruteraan" digunakan dan dipertahan kerana perkataan itu merupakan lambang ruang lingkup dan fokus atau "niche" utama bidang akademik UniMAP

**Penasihat:**  
Kamarudin Hussin

**Penerbit  
Eksekutif:**  
Zuraidah Mohd Zain

**Ciptaan:**  
Fauzi Marzuki

**Lirik:**  
Ismail Abdullah



## KONSEP REKA BENTUK COKMAR



**Konsep 'pohon kehidupan' telah diambil kira sebagai reka bentuk cokmar yang terdiri daripada akar, batang, daun dan bunga.**

### **BUNGA**

Pada bahagian atas ukiran Bunga Kenanga terdapat mahkota kebesaran DiRaja bagi melambangkan negeri Perlis sebagai sebuah negeri beraja.

Enam kelopak bunga yang mengembang ke atas diperbuat daripada perak melambangkan Rukun Iman. Lapisan kelopak melambangkan jurusan-jurusan yang terdapat di UniMAP dan kepelbagaian graduan yang dihasilkan oleh UniMAP. Pada bahagian bawahnya pula terdapat tiga kelopak yang diukir dengan perak yang bermotifkan Bunga Pulut, Bunga Raya dan Bunga Kertas. Bunga Pulut ialah corak kesenian Melayu yang bercirikan alam yang dikaitkan dengan hasrat Universiti untuk menyinarakan cahaya ilmu di rantau ini. Motif Bunga Pulut ini melambangi hakikat bahawa menuntut ilmu itu tiada penghujungnya.

### **AKAR**

Akar sebagaimana yang diketahui merupakan nadi kehidupan pokok yang berfungsi sebagai menyerap makan untuk tumbesaran pokok. Sesuai dengan fungsi akar, bahagian bawah cokmar melambangi hasrat UniMAP untuk terus menyuburkan ilmu dalam kalangan pelajar. Ukiran bunga padi yang mengembang ke atas menunjukkan bahawa ilmu dan pendidikan mestilah disemai dari awal untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berkembang maju mengikut acuan yang dikehendaki.

### BUNGA



### BATANG



### DAUN



### AKAR



## DAUN

Terdapat tiga biji permata berwarna asas iaitu merah, hijau dan biru di bahagian bawah cokmar. Permata-permata ini melambangi komponen asas dalam penjaan kehidupan melalui khasiat semula jadi alam sekitar. Daun menggambari juga tenaga fizikal dan spiritual komuniti kampus. Sepotong ayat suci al-Quran yang dipetik daripada surah Al-Mujaadilah terukir pada bahagian ini. Ayat ini membawa maksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu, dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat, dan (ingatlah) Allah maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Di bawah ayat tersebut terdapat ukiran nilai teras UniMAP, iaitu ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN.

## BATANG

Bahagian batang cokmar diperbuat daripada perak bersadur emas. Batang ini turut dihiasi motif Bunga Kenanga dan awan larat yang menggambari bahawa proses menuntut ilmu itu tiada batasan dan penghujungnya. Lima logo UniMAP pada batang menggambari lima Rukun Islam dan lima Rukun Negara yang perlu dipatuhi. Tujuh segmen (lilitan) pula melambangi kebesaran Tuhan.



## PEMILIHAN WARNA JUBAH


### WARNA JUBAH



Warna biru diambil dari bidauxite ( $\text{Pb}_2\text{AgCl}_3(\text{FOH})_2$ )



Warna kuning adalah warna boltwoodite ( $(\text{H}_2\text{O})\text{K}(\text{UO}_2)\text{SiO}_4$ )



Warna perak pula adalah bagi bounonite ( $\text{CuPbSbS}_3$ )



Warna merah yang mewakili rhodochrosite ( $\text{MnCo}_3$ )



Warna hijau diilhamkan dari beryl ( $\text{Be}_3\text{Al}_2\text{Si}_6\text{O}_{18}$ )

Warna kebanyakan jubah terdiri daripada gabungan warna rasmi UniMAP iaitu biru, kuning dan perak. Sebagai tambahan, terdapat penggunaan warna merah dan hijau pada jubah-jubah tertentu. Pemilihan warna ini dilakukan atas dasar UniMAP sebagai gapura ilmu yang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Kesemua warna yang digunakan adalah warna-warna mineral yang mempunyai maksudnya yang tersendiri. Warna rasmi UniMAP iaitu biru, kuning dan perak, selain mendukung makna tersirat sebagaimana yang diterangkan didalam logo UniMAP, juga mewakili warna yang didapati secara semula jadi pada batu-bata.

### MOTIF SULAMAN



Motif Bunga Raya



Motif Bunga Kertas



Motif Bunga Padi



Motif Bunga Kenanga

Motif sulaman pada jubah komemoratif UniMAP adalah gabungan empat jenis bunga tempatan, iaitu Bunga Padi (bijirin padi), Bunga Kertas, Bunga Raya dan Bunga Kenanga.



Bunga Padi dipilih kerana ia melambangi kemegahan negeri Perlis sebagai salah sebuah negeri jelapang padi.



Bunga Kertas pula merupakan bunga kegemaran DYTM Tuanku Canselor.



Bunga Raya ialah bunga kebangsaan Malaysia.



Bunga Kenanga yang harum semerbak, diibaratkan sebagai ilmu dan dapatan yang dikembangkan oleh UniMAP, dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat sekeliling.

Motif sulaman ini terdapat pada kebanyakan jubah yang dipakai oleh warga UniMAP. Motif yang sama turut digunakan pada perabot dan cokmar. Sebagai tambahan, bentuk kerawang yang diambil dari Istana Arau juga dimasukkan pada beberapa perabot tertentu dan cokmar. Gabungan ini menggambarkan ciri kedinamikan, estetika dan simbolisme budaya masyarakat Malaysia.



## KETERANGAN JUBAH

### CANSELOR



Warna kuning, iaitu warna DiRaja telah dipilih sebagai warna jubah Canselor. Pada bahagian hadapan jubah ini dihiasi sulaman motif bunga-bunga kuning emas setebal empat inci dan lapan inci pada bahagian kaki dan tangan. Jubah ini turut dilatari dengan logo UniMAP berwarna perak yang berjarak sekata. Renda daun oak berwarna emas dijahit di sekeliling lengan jubah. Lapel jubah dan lining diperbuat daripada baldu kuning serta sutera crepe. Corak sulaman adalah berlatar belakang warna hitam. Topi beefeater bagi Canselor diperbuat daripada kain jubah yang sama dan dihiasi dengan tassel emas satu karat.

### PRO CANSELOR



Jubah Pro Canselor berwarna kuning, iaitu warna DiRaja. Bahagian hadapan jubah dihiasi sulaman motif bunga-bunga kuning emas setebal empat inci, manakala lapan inci di bahagian kaki. Jubah dilatari dengan logo UniMAP berwarna perak yang berjarak sekata. Lapel jubah dan lining diperbuat daripada baldu kuning serta sutera crepe. Corak sulaman adalah berlatar belakang warna hitam. Topi beefeater diperbuat daripada kain jubah yang sama dan dihiasi tassel emas.

### MENTERI PENGAJIAN TINGGI



Jubah Menteri Pengajian Tinggi diperbuat daripada kain sutera berwarna hitam yang mempunyai saiz sulaman empat inci di bahagian hadapan, manakala tujuh inci di bahagian kaki dan tangan. Jubah ini turut dilatari dengan logo UniMAP dan dihiasi dengan lapel dan sulaman motif berwarna hijau yang berlatar belakang warna hitam. Kain pada jubah yang sama turut digunakan untuk membuat topi beefeater dengan tassel berwarna hijau.

### PENGERUSI LPU



Jubah pengerusi LPU berwarna biru dan mempunyai motif sulaman berwarna merah dengan berlatar belakangkan warna hitam. Motif sulaman setebal 3.5 inci di bahagian hadapan dan tujuh inci di bahagian lengan. Warna merah turut digunakan sebagai lapel jubah.

### AHLI LPU



Jubah ahli LPU berwarna biru dan mempunyai motif sulaman berwarna merah dengan berlatar belakangkan warna perak. Motif sulaman setebal 3.5 inci di bahagian hadapan dan tujuh inci di bahagian lengan. Warna merah turut digunakan pada lapel jubah.

### NAIB CANSELOR



Jubah Naib Canselor berwarna biru dan diperbuat daripada kain sutera dan mempunyai lapel berwarna perak. Jubah ini turut ditaburi dengan logo UniMAP. Motif sulaman berwarna kuning dan berlatar belakangkan warna hitam dapat dilihat pada sulaman jubah. Saiz sulaman ialah empat inci di bahagian hadapan dan tujuh inci di bahagian kaki dan lengan. Topinya pula diperbuat daripada kain jubah yang sama dengan tassal berwarna perak.

### TIMBALAN NAIB CANSOLOR




Warna biru merupakan warna bagi jubah Timbalan Naib Canselor UniMAP. Jubah ini mempunyai motif sulaman setebal 3.5 inci di bahagian atas dan tujuh inci di bahagian lengan. Motif sulaman berwarna kuning dan berlatar belakang warna hitam, manakala lapel jubah berwarna perak.

### PEGAWAI TERTINGGI UNIVERSITI



Jubah Exco Naib Canselor berwarna biru dan mempunyai lapel jubah berwarna kuning. Corak sulaman berwarna perak dengan berlatar belakang warna hitam. Sulaman bersaiz 3.5 inci di bahagian hadapan dan juga tangan.

### DEKAN



Jubah Dekan berwarna biru dengan motif sulaman berwarna perak setebal 3.5 inci di bahagian hadapan dan juga di bahagian tangan. Sulaman berlatar belakang warna hitam dan lapel berwarna perak.



**SENAT**



Jubah Senat berwarna biru dengan motif sulaman berwarna perak setebal 3.5 inci di bahagian hadapan. Sulaman berlatar belakangkan warna hitam dan lapel berwarna perak.

**AKADEMIK**



Jubah akademik berwarna biru dengan sulaman setebal 3.5 inci di bahagian hadapan. Sulaman berwarna perak dan berlatar belakangkan warna biru. Lapel jubah berwarna perak.

**IJAZAH KEHORMAT**



Jubah Penerima Ijazah Kehormat berwarna hitam, mempunyai motif dan lapel jubah berwarna hijau. Latar belakang sulaman berwarna hitam dan mempunyai saiz 3.5 inci di bahagian hadapan jubah.

### GRADUAN Ph.D



Jubah graduan Ph.D berwarna biru, mempunyai motif dan lapel jubah berwarna perak. Hood atau selempang diperbuat daripada kain satin dan berwarna perak. Topi befeater bagi graduan Ph.D diperbuat daripada kain baldu lembut yang berwarna hitam, berbentuk bulat dan dihiasi dengan tassel berwarna perak.

## GRADUAN SARJANA

Jubah graduan Sarjana berwarna biru dan mempunyai sulaman motif berwarna perak di bahagian hadapan. Motif pada jubah ini hanya terdapat di bahagian atas sahaja dan dihiasi dengan lapel berwarna perak. Warna hood atau selempang bergantung pada Fakulti masing-masing. Topi mortar-board bagi graduan Sarjana adalah sama dengan topi graduan Sarjana Muda yang berbentuk segi empat yang diperbuat daripada fabrik melton wool dan berwarna biru gelap. Topi ini bergaris pusat tujuh sentimeter dan dihiasi tassels.

Warna selempang program Kejuruteraan bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) adalah oren kekuningan (blazing orange), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) - merah (chinese red), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) - turquoise, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) - emas (harvest gold), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA) - merah hati (maroon), Fakulti Perniagaan & Komunikasi - merah jambu gelap (crayola fuchsia), Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) - putih (white) dan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) - pink magenta.



**Fakulti  
 Kejuruteraan &  
 Teknologi  
 Elektronik**



**Fakulti  
 Kejuruteraan &  
 Teknologi Elektrik**



**Fakulti  
 Kejuruteraan &  
 Teknologi Awam**



**Fakulti  
 Kejuruteraan &  
 Teknologi Kimia**



**Fakulti  
 Kejuruteraan &  
 Teknologi  
 Mekanikal**



**Fakulti  
 Perniagaan &  
 Komunikasi**



**Institut  
 Kejuruteraan Nano  
 Elektronik**



**Institut  
 Matematik  
 Kejuruteraan**



**PROGRAM KEJURUTERAAN**



**GRADUAN SARJANA MUDA**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam**



**Fakulti Perniagaan & Komunikasi**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia**

**GRADUAN SARJANA MUDA**

Jubah graduan Sarjana Muda mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan Jubah Graduan Sarjana. Perbezaan kedua-dua jubah itu ialah jubah graduan Sarjana Muda mempunyai sulaman motif pada bahagian atas sahaja dan tidak mempunyai lapel. Jubah graduan Sarjana Muda ini disertakan sekali dengan hood atau selempang yang diperbuat daripada kain satin dan warna bagi setiap selempang adalah berbeza mengikut fakulti masing-masing.

Warna selempang bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) adalah oren kekuningan (blazing orange), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) - merah (chinese red), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) - turquoise, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) - emas (harvest gold), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA) - merah hati (maroon) dan Fakulti Perniagaan & Komunikasi - merah jambu gelap (crayola fuchsia).

## GRADUAN SARJANA MUDA

Jubah graduan Sarjana Muda mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah Graduan Sarjana. Perbezaan kedua-dua jubah itu ialah jubah graduan Sarjana Muda mempunyai sulaman motif pada bahagian atas sahaja dan tidak mempunyai lapel. Jubah graduan Sarjana Muda ini disertakan sekali dengan hood atau selempang yang diperbuat daripada kain satin berwarna hijau pucuk pisang dan warna bagi setiap garisan tepi selempang adalah berbeza mengikut fakulti masing-masing.

Warna garisan tepi selempang program Teknologi Kejuruteraan dan Teknologi bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) adalah Oren (Orange), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) - merah (red), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) - merah jambu (pink), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) - emas (gold) dan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FTKA) - kelabu (grey).

Topi mortar-board bagi graduan Sarjana Muda diperbuat daripada fabrik melton wool dan berwarna biru gelap. Topi ini bergaris pusat tujuh sentimeter dan dihiasi tassel.

## PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam**



**Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia**

## GRADUAN DIPLOMA

Jubah graduan Diploma mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah graduan Sarjana Muda. Perbezaan kedua-dua jubah itu ialah jubah graduan Diploma mempunyai sulaman motif berwarna perak di bahagian atas sahaja. Jubah ini mempunyai offray ribbon di tepi dan lapel di bahagian hadapannya mengikut program pengajian.

Warna offray ribbon bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE) untuk program Kejuruteraan Mekatronik ialah biru laut (cyan blue) dan program Kejuruteraan Elektrik ialah hijau epal (apple green). Walau bagaimanapun, bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) adalah oren kekuningan (blazing orange) untuk program Kejuruteraan Mikroelektronik dan merah (chinese red) untuk program Kejuruteraan Komputer. Bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) pula, warna emas (harvest gold) adalah untuk program Kejuruteraan Metalurgi dan bagi Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM) adalah warna ungu muda (royal purple) untuk program Kejuruteraan Pembuatan.



**Program Kejuruteraan  
Mikroelektronik**



**Program Kejuruteraan  
Pembuatan**



**Program Kejuruteraan  
Metalurgi**



**Program Kejuruteraan  
Mekatronik**



**Program Kejuruteraan  
Komputer**



**Program Kejuruteraan  
Elektrik**



## GRADUAN PROGRAM PROFESIONAL

Jubah graduan program Profesional mempunyai reka bentuk asas yang sama dengan jubah graduan program perdana. Perbezaan pada jubah program profesional adalah warna jubah berwarna biru gelap dan dibezakan oleh lining riben.

Jubah graduan Master Profesional mempunyai sulaman kerawang berwarna perak dan lining riben berwarna emas di bahagian hadapan sehingga ke bawah, manakala jubah graduan Bachelor Profesional mempunyai sulaman kerawang berwarna perak dan lining riben berwarna emas di sekeliling kerawang. Jubah graduan Diploma Profesional pula mempunyai sulaman kerawang berwarna perak sahaja tanpa lining.



**Jubah Master Profesional**



**Jubah Diploma Profesional**



**Jubah Bachelor Profesional**

## UniMAP SEPINTAS LALU

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Universiti Awam ke -17 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis. Naib Canselor yang pertama, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima [5] tahun bertapak di bumi Perlis, universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. Sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baharu dan beroperasi di beberapa lokasi sementara, UniMAP kini berbangga dengan kewujudan kampus tetapnya yang tersergam indah di Pauh Putra, serta dua [2] lagi kampus, iaitu Kampus Uniciti Alam dan Kampus Bandar.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarinya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 119 orang. Kini UniMAP di bawah pentadbiran Naib Canselor yang ke-4, iaitu Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli mempunyai seramai 12,600 pelajar yang terdiri daripada 9,621 pelajar Program Sarjana Muda, 1,562 pelajar Program Diploma dan 1,417 pelajar Program Pascasiswazah.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan enam [6] Program Diploma Kejuruteraan, 14 Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 13 Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, enam [6] Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi, dua [2] Program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan satu [1] Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Di samping itu, UniMAP turut menawarkan pelbagai program pascasiswazah dengan 38 bidang penyelidikan untuk program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Mod Penyelidikan, manakala terdapat enam [6] program pengajian Sarjana Sains Mod Campuran, satu (1) program pengajian Sarjana Pentadbiran Pengajian Mod Kerja Kursus dan 38 bidang pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Sejajar dengan penstrukturan semula UniMAP, kini fakulti-fakulti UniMAP telah dikenali dengan nama baharu, iaitu Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FKTA), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK) dan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK).







Secara umumnya, program pengajian di UniMAP adalah berdasarkan pembelajaran *'experiential'* dan bercirikan teknologi sebagai persediaan untuk menangani cabaran terkini di industri tempatan dan juga secara global. Silibus pengajian juga adalah amat komprehensif dan juga mengikut *trend* terkini berasaskan *Work Based Learning (WBL)* hasil dari jaringan sinergi UniMAP bersama industri-industri multi nasional seperti Intel, Keysight Technology, AT&S dan pelbagai lagi.

UniMAP akan terus berusaha untuk menonjolkan keterlihatan universiti di persada antarabangsa bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran insaniah, keupayaan dan kredibiliti mahasiswa. Baru-baru ini, UniMAP diumumkan berada pada kedudukan 801-1000 dalam *QS World University Rankings (WUR) 2023* dan pada kedudukan 1001-1200 dalam *Times Higher Education World University Rankings 2023*. Selain itu, UniMAP juga akan sentiasa memfokuskan usaha dalam mempersiapkan mahasiswa supaya mengamalkan konsep berfikir global, bertindak lokal (*think globally, act locally*) seiring dengan visi UniMAP, iaitu menjadi sebuah Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.



## PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT

**A**nugerah Ijazah Kehormat merupakan penghormatan tertinggi yang diberikan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dan tinggi nilainya kepada pembangunan dan perkembangan ilmu, masyarakat dan Negara. Ijazah ini terdiri daripada Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Ijazah ini dianugerahkan kepada individu terpilih yang mempunyai latar belakang, pengalaman dan sumbangan yang bersesuaian dan telah memberikan:

- Sumbangan yang cemerlang kepada masyarakat dan Negara.
- Sumbangan dalam usaha memajukan sektor perindustrian dalam Negara.
- Sumbangan dalam proses memantapkan dan menyumbangkan ilmu.
- Sumbangan dalam usaha merangkakan dan membangunkan Universiti Malaysia Perlis.

Pencalonan penerima Ijazah Kehormat dilakukan oleh Jawatankuasa Ijazah Kehormat. Semua calon yang bersesuaian dan layak dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Kehormat sebelum diperakukan kepada Senat dan Lembaga Universiti untuk mendapatkan kelulusan.

Penerima Ijazah Kehormat boleh menggunakan nama ijazah tersebut sebagai gelaran dalam bahasa Inggeris mengikut singkatan yang dinyatakan. Pemakaian gelaran kehormat ini memberikan segala hak dan keistimewaan kepada calon yang terpilih sebagai seorang daripada anggota keluarga Universiti Malaysia Perlis.



## PENERIMA IJAZAH KEHORMAT

### **YANG BERBAHAGIA DATO' DR. IR. TS. ANNUAR MOHD SAFFAR**

#### **IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN [HON. D. ENG.]**



**P**ermata tetap permata. Di mana saja berada, nilainya tetap tinggi. Semakin lama semakin berharga. Begitulah ibaratnya seorang insan yang bernama **ANNUAR MOHD SAFFAR**. Beliau merupakan anak jati Kedah yang menuntut ilmu di Kulim dan Sungai Petani sehingga menempa nama di Amerika Syarikat. Beliau melonjakkan nama Malaysia dari China hinggalah ke Amerika Syarikat. Sebagai seorang jurutera dalam bidang kejuruteraan industri, jasa dan bakti beliau terhadap pembangunan UniMAP amatlah besar.

Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar dilahirkan pada 1 Ogos 1962 di Bandar Baharu, Kedah dan dibesarkan di Kulim oleh neneknya. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tunku Abdul Malik, Kulim dan kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Sains Sungai Petani. Beliau ditawarkan biasiswa Petronas kerana memperoleh keputusan cemerlang pada peringkat *Malaysian Certificate of Education* (MCE) dan melanjutkan pelajaran di University of Missouri, Amerika Syarikat dalam bidang kejuruteraan industri. Semasa tempoh pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Industri di universiti tersebut, beliau berjaya menerima anugerah *Honor Scholar* dan *Magna Cum Laude*. Beliau merupakan antara pelajar yang terpilih sebagai penerima biasiswa Petronas untuk ditaja pengajian pada peringkat sarjana dan satu-satunya pelajar kejuruteraan yang terpilih. Keistimewaan dan keterlihatan beliau meyakinkan Petronas untuk menaja pengajiannya di universiti yang sama. Kecemerlangan beliau di universiti boleh dilihat apabila beliau membawa pulang dua ijazah sarjana, iaitu *Master of Science Industrial Engineering* dan *Master in Business Administration (Finance)*. Kejayaan ini merupakan satu gabungan ilmu yang strategik dan menjadi asas kepada perkembangan





*Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tunku Abdul Malik, Kulim dan kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Sains Sungai Petani.*



kariier beliau. Keistimewaan Dato' Dr. Annuar dan pencapaian cemerlang beliau semasa pengajian menyebabkan University of Missouri mendaftarkan nama beliau sebagai ahli dalam *US National Engineering Honor Society (Tau Beta Pi)*, *US National Industrial Engineering Honor Society (Alpha Pi Mu)*, *'Who's Who Among Students in American Universities and Colleges 1984'* dan anugerah *'University Scholar.'* Gelaran-gelaran ini merupakan impian para pelajar di Amerika Syarikat, namun beliau yang merupakan anak jati Kedah dan anak Malaysia berjaya memperolehnya dengan jaya.

Sekembalinya di Malaysia selepas tamat pengajian, Dato' Dr. Annuar mula memasuki alam pekerjaan dan membina kariernya. Semasa dalam alam pekerjaan, proses untuk menempa nama lebih sukar dan mencabar. Berbekalkan kecerdikan, kerajinan, fokus dan kreativiti, beliau menghadapi cabaran tersebut dengan penuh sabar. Pada tahun 1986, beliau dihantar oleh Petronas untuk berkhidmat dengan anak syarikat Petronas, iaitu ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. (ABF) di Bintulu, Sarawak. Di situ, beliau dilantik sebagai jurutera projek dan jurutera loji. Selepas tujuh tahun berkhidmat bersama Petronas, pada usia 31 tahun, beliau diberi tanggungjawab yang lebih mencabar oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Beliau diminta untuk menjayakan satu cita-cita besar negara yang mahu melihat Malaysia cemerlang dalam bidang teknologi. Beliau dipertanggungjawabkan untuk memikul tugas sebagai Pengarah Industri dan Teknologi di Taman Teknologi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Tempoh tujuh tahun dalam memacu organisasi ini, beliau berjaya membangunkan pusat-pusat kecemerlangan teknologi antara yang pertama di Malaysia seperti *Prototype and*

*Production Centre, Robotics and Flexible Manufacturing Centre,* serta *Business Incubation Centre.*

Ketika berkhidmat di Taman Teknologi Malaysia, beliau menjadi felo di *Advanced Engineering, Massachusetts Institute of Technology (MIT)* di Amerika Syarikat. Kesemua pencapaian yang telah dicapai sepanjang penglibatan beliau dalam arena teknologi Malaysia telah meletakkan nama beliau sebagai pemimpin dan pemikir pembangunan teknologi yang terkenal dan antara yang terawal di negara ini. Ketika itu, beliau diberi kepercayaan menjadi Presiden *Asian Association of Business Incubation (AABI)* yang berpangkalan di Shanghai, China. Seterusnya, beliau dilantik menjadi perunding dan speaker bagi Bank Dunia, Washington DC. Beliau juga pernah memikul tanggungjawab sebagai Presiden *National Association of Business Incubation, Malaysia.* Ternyata sumbangan anak jati Kedah ini cukup besar terutamanya dalam bidang teknologi negara.

Sebagai anak jati Kedah, beliau tidak pernah lupa menyimpan hasrat untuk berbakti kepada tempat tumpah darahnya. Selepas 25 tahun berkhidmat di tanah orang, beliau kembali ke Kedah bagi memikul tanggungjawab untuk membangun, mengukuh dan melebarkan perkhidmatan di Taman Teknologi Tinggi Kulim yang juga dikenali sebagai Kulim Hi-Tech Park (KHTP). Beliau memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan projek-projek teknologi dan prasarana di kawasan tersebut. Jadi, di taman inilah Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar terlibat dalam membangunkan pusat-pusat kecemerlangan teknologi seperti *Techno Centre, CREST CNC Engineering Centre, Metal Excellence Centre, Biotechnology Laboratory, Kedah BioResources Corporation* dan sebagainya. Beliau mampu melihat potensi Malaysia untuk



menjadi pusat pembangunan teknologi. Berlandaskan ilmu pemasaran dan pengalaman yang diperoleh, beliau berjaya menarik minat banyak pelabur asing ke Taman Teknologi yang diterajuinya termasuk syarikat-syarikat multinasional sehingga tempat tersebut berjaya ditransformasikan sebagai medan penciptaan dan pemasaran produk-produk teknologi oleh pelbagai syarikat dari dalam dan luar negara. Kejayaan yang sangat mengagumkan ini mendorong kerajaan negeri Kedah menganugerahi beliau dengan pingat Ahli Mahkota Kedah (AMK) pada tahun 2007. Dato' Dr. Annuar juga telah dikurniakan Darjah Dato' Setia DiRaja (DSDK) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah pada tahun 2015. Beliau juga merupakan ahli jawantakuasa Jemaah Dato'-Dato' Negeri Kedah bagi penggal 2021-2023 dan juga merupakan Pengerusi Jawantankuasa Kecil untuk Media dan Komunikasi bagi persatuan yang sama. Sepanjang perkembangan karier beliau, pelbagai cabaran telah ditempuhi. Namun, berbekalkan ilmu, kecekalan, disiplin dan kreativiti pengurusan, beliau berjaya mengatasi semua dugaan dan cabaran sepanjang karier beliau. Bagi mengatasi sebarang masalah, perkara yang penting pada beliau ialah seseorang itu perlu memahami tentang punca sesuatu isu dahulu sebelum meminta orang lain faham apa yang kita hendak lakukan.

Antara jawatan-jawatan lain yang disandang beliau ialah Professor Adjunct di Universiti Utara Malaysia (UUM) , serta *Industry Advisory Council Member* dan Professor Adjunct di Asia Metropolitan University. Dato' Dr. Annuar juga adalah alumni Fakulti Perniagaan di University of Oxford, United Kingdom.

Anak Malaysia yang cukup hebat dan istimewa ini merupakan sahabat kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Beliau merupakan antara orang yang terawal terlibat dalam pembangunan UniMAP. Sebagai insan yang mempunyai visi dan dekat hatinya dengan agama, kesediaannya membantu dan menyokong UniMAP sangat signifikan dalam pembangunan UniMAP. Sejak awal penubuhan UniMAP lagi, yakni pada waktu itu dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), beliau telah berkongsi ilmu dan kepakaran dengan UniMAP. Sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pelajaran dan Pembelajaran, beliau mencetuskan idea supaya diwujudkan Pusat Pengajian Inovasi dan Teknousahawan. Kewujudan pusat ini meletakkan UniMAP sebagai sebuah universiti kejuruteraan yang berbeza dengan universiti-universiti lain. Beliau juga merupakan panel penasihat industri di pusat kerjasama industri UniMAP, serta aktif dalam program transformasi pembangunan graduan kejuruteraan dan sains.



Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar terlibat secara langsung dalam berkongsi ilmu dan kepakaran demi memperhebat pusat-pusat pengajian di UniMAP seperti Pusat Kerjasama Industri, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, serta Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan dan Pengurusan Harta Intelek. Keyakinan dan kepercayaan beliau kepada keupayaan UniMAP dalam melahirkan graduan yang berkualiti membuatkan beliau menghantar dua orang anaknya untuk melanjutkan pengajian di UniMAP. Pada pandangan beliau, UniMAP berpotensi tinggi sebagai pembekal sumber manusia yang pakar dalam usaha membangunkan sektor industri di Perlis terutamanya berkaitan dengan bidang teknologi.

### **Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar berpegang pada prinsip sentiasa berfikiran positif dan sentiasa percaya kepada kemampuan diri sendiri dalam mencapai sesuatu.**

Selain iman dan amal yang teguh terhadap Allah SWT yang mendorong kejayaannya, isteri beliau, iaitu Datin Hajah Nor Habibah Lebai Isa dan empat orang anaknya adalah penyokong dan motivasi utama dalam memberi semangat kepada beliau. Prinsip beliau yang percaya bahawa kebebasan dalam meneroka kehidupan telah membuka horizon pemikiran dan kreativiti dalam kerjayanya, serta dalam kehidupan berkeluarga. Beliau merupakan seorang yang suka melancong dan membaca. Bagi beliau, seseorang perlu ada angan-angan dan cita-cita. Angan-angan dan cita-cita perlu dipasangkan dengan fokus, desakan kehendak dan tidakan susulan yang kekal kerana ia mampu menjelmakan semuanya menjadi suatu realiti. Beliau semaikan formula ini kepada keluarganya dan keluarga angkatnya, Universiti Malaysia Perlis.

Antara figura yang banyak meninggalkan kesan sepanjang hidup Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar ialah pengetuanya semasa



di Sekolah Menengah Sains Kedah (sekarang Sekolah Menengah Sains Sultan Muhammad Jiwa), Sungai Petani, iaitu Tan Sri Dr. Abdul Shukur Abdullah. Bagi beliau, individu tersebut banyak memupuk sifat kompetitif yang ada dalam diri beliau sehingga kini. Apa yang penting pada beliau adalah sentiasa mencapai sesuatu yang terbaik sama ada ketika belajar, bersukan mahupun semasa berkerja. Figura kedua pula yang banyak meninggalkan kesan dalam kehidupannya ialah Tan Sri Omar Abdullah, mantan Penasihat Sains kepada YAB Perdana Menteri dan juga mantan Pengerusi *Technology Park Malaysia Corporation* yang banyak berkongsi pengalaman sepanjang penglibatan beliau dalam industri teknologi di Malaysia.

Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar berpegang pada prinsip sentiasa berfikiran positif dan sentiasa percaya kepada kemampuan diri sendiri dalam mencapai sesuatu. Beliau sentiasa mengelak daripada berfikiran negatif berkaitan sesuatu perkara. Beliau juga berpegang pada prinsip bahawa sangat penting untuk seseorang mempunyai integriti dalam melakukan sesuatu terutama sekali apabila memegang jawatan ketua. Perkara ini merupakan suatu prinsip yang tidak boleh dikompromi. Dato' Dr. Annuar turut menitikberatkan kepentingan untuk menjaga hubungan sesama kenalan tidak kira kenalan sesama industri, pegawai kerajaan mahupun swasta. Suasana ini penting dalam memastikan rangkaian kerjasama dalam apa jua aspek mudah untuk dijalankan. Bagi beliau, amat penting untuk seseorang mempunyai personaliti yang baik, berkarisma, berkredibiliti dan berkeupayaan untuk memimpin agar seseorang itu boleh meyakinkan orang lain sama ada untuk bekerjasama atau membina rangkaian profesional dengan organisasi luar. Bagi Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar, seseorang itu perlu menjadi pengurus dan ketua yang baik untuk berjaya.

Jasa dan sumbangan yang dicurahkan oleh Dato' Dr. Annuar Mohd Saffar dalam bidang teknologi dan industri negara, khususnya kepada UniMAP amat dihargai. Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan ini adalah tanda terima kasih daripada UniMAP kepada beliau atas khidmat beliau yang jujur dan ikhlas, serta sokongan yang tiada batas kepada UniMAP selama ini. Anugerah yang dipersembahkan ini hanyalah sebagai tanda ingatan kecil dari UniMAP kerana tanda ingatan dan kasih yang lebih besar adalah daripada Allah SWT.

## PROFESSOR SHINJI SHIMADA

### HONORARY DOCTORATE OF MANAGEMENT [HON. D. MGT.]



**P**ROFESSOR SHINJI SHIMADA was born in 1952 in Kyoto. He received his MD and PhD from University of Tokyo Faculty of Medicine in 1977 and 1982, respectively and started his career as an assistant Professor in Department of Dermatology, University of Tokyo Faculty. In 1981, he won the Seigo Minami Memorial Award (the best paper of the year) of the Japanese Dermatological Association, as the youngest among the winners so far as well for his research on melanoma—a topic that was instrumental in driving the next stage of his career. During 1983-1986, he was a post-doctoral fellow at the National Institutes of Health (NIH) in the United States, where he studied on skin immunology with a focus on the fundamentals—Langerhans cells and antigen presentation.

After joined the Department of Dermatology at Yamanashi Medical University and University of Tokyo as an associate professor in 1986 and 1989, respectively, he became the professor and chair of the Department of Dermatology at Yamanashi Medical University in 1995. From then, he has led his teams for the very best in research, clinical practice and teaching. He and his team have continuously published more than 300 papers on top journals like *Journal of Immunology*, *Blood*; *Journal of Clinical Investigation*, *Cell Host and Microbe*; and *Journal of Investigative Dermatology*.

Professor Shinji Shimada has served as the Chief Editor of the *Journal of Dermatology*, the President of the Japanese Society for Investigative Dermatology and the President of Japanese Dermatological Association. He successfully organized the 5th International Investigative Dermatology Congress. For his tremendous contributions to the advance of the dermatology field, he received the Certificate of Appreciation from the International League of Dermatological Societies, honorary memberships from the European Society for Dermatological Research, Society for Investigative Dermatology, American Dermatological Association, Deutsche Dermatologische Gesellschaft, Taiwanese Dermatological Association and so on.


From 2015, he became the president of University of Yamanashi. He led University of Yamanashi to commit to internationalizing its educational programs and promoting international collaborative research through the formation



**He and his team have continuously published more than 300 papers on top journals like Journal of Immunology, Blood; Journal of Clinical Investigation, Cell Host and Microbe; and Journal of Investigative Dermatology.**


of Global Partnerships. In fact, during the seven years since he became president, the university has concluded MOU with 45 foreign universities. This number is actually more than the total number before he took office. Particularly he views the partnership with UniMAP the most important. Under his leadership, University of Yamanashi has established dual degree program with UniMAP at PhD level since 2019 and are going to expand the program to master degree level from the fall of 2022 with UniMAP. The two universities are work together to promote the Campus Asia Program, a 5-year project starting from 2022, to exchange students and faculty members among the universities of Japan, Malaysia, China and Korea to cultivate human resource in the field of artificial intelligence field.

To conclude, as an outstanding researcher and university leader, Professor Dr. Shinji Shimada has made significant contributions to the advancement of science and the development of international education and research community.



## **YANG BERBAHAGIA DATUK ABDUL LATIF ROMLY**

**IJAZAH KEHORMAT SARJANA SAINS KEMANUSIAAN [HON. M. HUM. SC.]**



**A**BDUL LATIF ROMLY dilahirkan pada 31 Mac 1997 dan dibesarkan di Kampung Paya Kelubi, Kangar, Perlis dalam sebuah keluarga yang serba sederhana hasil perkongsian hidup Romly Mat dan Salmah Yatim. Beliau merupakan anak bongsu daripada tujuh adik-beradik, yakni mempunyai dua orang kakak dan lima orang abang. Beliau mendapat pendidikan awal di Taman didikan kanak-kanak (tadika) KEMAS Alor Tampang, Kangar pada tahun 2003 dan kemudian bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Tunjong, Kangar dari darjah satu pada tahun 2004 hingga tamat darjah enam pada tahun 2009. Kemudian, beliau menyambung pengajian menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Alwi, Kangar bermula dari tahun 2010 hingga 2014 dengan berjaya menamatkan pengajiannya pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Zaman kanak-kanak beliau sama seperti anak-anak lain yang membesar di kampung dengan meluangkan masa bersama-sama dengan rakan sepermainan untuk melakukan aktiviti harian seperti bermain bola sepak di sekitar kawasan rumah dan mandi sungai di Sungai Bukit Jernih. Namun, apa yang membezakan beliau dengan rakan-rakannya adalah tentang minat yang begitu mendalam terhadap bidang sukan dan hal ini terserlah sejak beliau masih kanak-kanak lagi. Perkara ini sangat berkait rapat dengan latar belakang keluarganya yang sangat dekat dengan dunia sukan apabila kesemua ahli keluarga beliau pernah terlibat dalam bidang sukan sejak di bangku sekolah. Kakak dan abang beliau juga pernah mewakili negeri Perlis dalam pelbagai kejohanan sukan. Ternyata, bakat dan motivasi sukan yang ada dalam diri beliau tercitra sejak kecil lagi dan bermula dari rumah apabila ibu beliau sendiri merupakan seorang yang aktif bersukan. Pendedahan terhadap aktiviti kesukanan datang daripada dorongan dan sokongan yang kuat daripada ibu beliau sendiri yang gemar membawanya ke sekolah kakak dan abangnya untuk menonton dan menyertai acara sukan, apatah lagi apabila melihat sendiri aksi kakak beliau yang sangat cemerlang dalam sukan bola tampar dan lompat tinggi di sekolah pada ketika itu.





Beliau mula aktif bersukan sejak di bangku sekolah rendah, iaitu di Sekolah Kebangsaan Seri Tunjong. Bakat beliau mula dikesan seawal darjah dua oleh guru beliau, Encik Ku Mansor Ku Hamid. Encik Ku Mansor gigih mencungkil bakat beliau dalam bidang olahraga walaupun pada awalnya beliau menunjukkan minat dalam semua jenis permainan termasuk bola baling dan bola sepak. Bermula daripada itu, beliau telah serius sepenuhnya dalam sukan olahraga dan ketika di sekolah menengah, beliau mendapat bimbingan yang berterusan dan sepadu daripada gurunya, Encik Sanusi Zainal Abidin dan Encik Aznan Mat Isa sepanjang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Alwi. Berbekalkan ketinggian 178 sentimeter dan bakat yang ada, beliau diasuh untuk serius dan fokus dalam acara lompat jauh sejak berusia 15 tahun dan pada usia beliau menganjak 16 tahun, minat dalam sukan ini dipanjangkan dengan mewakili Malaysia dalam kejohanan Sukan Para Remaja Asia (*Asian Youth Para Games*) 2013 di Kuala Lumpur. Beliau mula melibatkan dirinya dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2014 sebagai penyertaan

pertama beliau dalam kejohanan tersebut, diikuti SUKMA 2016 dan 2018. Selain itu, kemunculan awal dan keterlihatan beliau dalam arena lompat jauh mulai tampak pada kejohanan Sukan Para Asia pada tahun 2014 yang berlangsung di Incheon, Korea Selatan apabila beliau memenangi pingat emas (kategori T20) pada usia 17 tahun.

Lanjutan daripada itu, beliau mengorak langkah dalam melebarkan sayap sukan lompat jauh dengan mendapat bimbingan Majlis Sukan Malaysia (MSN) untuk menjalani latihan sepenuh masa dan menyertai pelbagai kejohanan tempatan dan antarabangsa. Perkembangan potensi sukan beliau di bawah MSN berjaya meletakkan beliau sebagai atlet yang berwawasan dan berjaya memecahkan keraguan beliau ketika mula-mula menolak tawaran MSN kerana bimbang dengan kekurangan diri dan sikapnya yang pemalu. Pada awal penolakan tawaran kali pertama oleh MSN, beliau beranggapan sifat malunya itu akan menyebabkan beliau kekurangan rakan jika berhijrah ke



MSN berbanding di sekolahnya kerana beliau seorang yang sukar untuk memulakan perbualan. Namun, setelah didorong dan dimotivasikan oleh orang sekeliling, beliau menerima tawaran MSN pada kali yang ketiga dan beranggapan jika beliau menolaknya lagi, maka peluang itu tidak akan diperoleh semula.

Sejak itu, jaguh lompat jauh negara ini mula mendapat perhatian peminat sukan tanah air dan antarabangsa. Walaupun beliau dikategorikan sebagai atlet olahraga paralimpik dalam kelompok kecacatan intelektual (T20), hal ini bukanlah satu kekurangan bagi beliau untuk terus bersinar dalam arena sukan negara dan dunia, malah semangat dan kecintaan terhadap bidang ini menjadikan beliau lebih beriltizam untuk mencapai kejayaan dan mengharumkan nama negara, serta melupakan cita-cita awal beliau sejak kecil untuk bergelar seorang anggota polis. Titik mula kecemerlangan kerjaya beliau dalam sukan lompat jauh mendapat perhatian umum apabila pada tahun 2016, beliau berjaya merangkul pingat emas dalam kejohanan Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro setelah tiga lompatan beliau untuk acara tersebut memecahkan rekod dunia. Bukanlah sesuatu yang mudah untuk beliau lakukan hal sedemikian tanpa disiplin, ketekunan dan pengorbanan yang kental setelah berhempas-pulas berlatih hingga mengalami kecederaan otot yang agak serius ketika menjalani latihan *squat gym* sebelum kejohanan tersebut. Walau bagaimanapun, beliau terpaksa memulihkannya dalam tempoh enam bulan bagi menghadapi Sukan Paralimpik pada tahun tersebut. Ketika itu, perasaan beliau bercampur baur antara sedih dan kecewa sekiranya tidak dapat menyertai kejohanan tersebut, namun bersemangatkan falsafah hidupnya, "kalau gagal dalam hidup tidak bererti gagal selamanya, kegagalan boleh diubah kepada kejayaan" telah menghasilkan sesuatu yang luar biasa dalam hidup beliau dengan memenangi pingat emas acara lompat jauh sempena dengan SUKMA 2016 di Sarawak walaupun dalam keadaan masih sakit dan dalam tempoh pemulihan sebelum ke kejohanan paralimpik di Brazil.

Semangat juang beliau yang tinggi telah membuktikan kepada kita kejayaannya merangkul pingat emas dalam pelbagai kejohanan sukan, antaranya Sukan Para ASEAN 2014 di Naypyidaw (Myanmar), 2015 di Singapura, 2017 di Kuala Lumpur dan 2022 di Surakarta (Indonesia); Kejohanan Olahraga Para Dunia (*World Para Athletics Championships*) 2015 di Doha (Qatar) dan 2017 di London (England); Sukan Para Asia 2018 di Jakarta (Indonesia) dan Sukan Paralimpik 2020 di Tokyo (Jepun). Bagi rekod pungutan pingat sepanjang penglibatan beliau dalam acara lompat jauh kategori T20 setakat tahun 2022 ini,

hanya satu sahaja pingat perak yang diperoleh beliau, iaitu ketika Kejohanan Olahraga Para Dunia (*World Para Athletics Championships*) 2019 yang berlangsung di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Menurut beliau, kegagalan mempertahankan pingat emas untuk edisi kejohanan tersebut adalah berpunca daripada kecederaan yang dialami pada bahagian kaki. Walaupun begitu, pingat perak tersebut adalah sebagai faktor pembakar semangat juang untuk terus mara dan bekerja keras pada masa hadapan.

Merangkul pingat dalam berbagai-bagai kejohanan sukan sedikit sebanyak telah berjaya mendewasakan beliau terutamanya apabila berhadapan dengan harapan dan tekanan yang diberikan masyarakat, serta peminat sukan untuk beliau kekal mempertahankan keunggulan prestasinya. Ketika berhadapan dengan cabaran dan harapan tersebut, beliau berpandangan bahawa beliau harus membina keyakinan diri yang seimbang dengan kebolehan yang ada dan tidak boleh terlalu atau kurang yakin kerana akan mengganggu fokus terhadap latihan dan matlamat kejohanan. Secara peribadi, beliau berpendapat sekiranya terlalu yakin ketika membuat lompatan, ia akan memberi tekanan kepada otot badan beliau sendiri. Apa yang penting bagi beliau adalah menyedari dan berhati-hati terhadap prestasi pesaing yang semakin hari semakin mencabar kedudukannya sebagai pemegang rekod dunia dan atlet lompat jauh nombor satu dunia ketika ini. Perkara inilah yang perlu dititikberatkan agar beliau kekal fokus dan berwaspada dengan keadaan semasa dan berhati-hati ketika menjalani latihan agar tidak berlaku kecederaan, sebaliknya melakukan latihan kecergasan dan lompatan dalam keadaan tenang kerana suasana santai yang wujud itu tidak mendatangkan gangguan terhadap fizikal dan mental termasuklah fokus untuk matlamat yang ingin dicapai.

Semangat kesukanan yang tinggi perlu dipraktikkan walaupun dalam tempoh pemulihan kecederaan dengan menjaga disiplin latihan, gaya pemakanan dan cara hidup seharian. Sebagai ahli sukan profesional, beliau sangat menjaga rutin pemakanan dengan pengambilan gula pasir dalam minuman untuk tempoh seminggu sekali dan selebihnya hanya mengambil gula yang ada di dalam buah-buahan atau jus, serta mengawal pengambilan makanan yang berminyak agar tidak berlebihan. Pemakanan yang terkawal seperti ini perlu dipraktikkan oleh beliau sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tarikh kejohanan sukan yang bakal disertai bagi menjaga lemak dan otot agar padu dan bertenaga selain mengambil makanan tambahan seperti protein, magnesium dan omega-3. Menyentuh soal disiplin, sesungguhnya



setiap kejayaan yang dicapai oleh seseorang pastinya diiringi dengan disiplin yang tinggi. Beliau telah mendidik dirinya sejak tahun 2014 untuk bangun daripada tidur setiap hari seawal pukul 5.30 pagi, diikuti sesi latihan sukan pada pukul 8.00-10.00 pagi, beristirahat secukupnya hingga sesi latihan pada pukul 4.00-6.00 petang dan kemudian tidur pada pukul 10.00 malam. Begitulah rutin kehidupan beliau yang telah dilalui sejak lapan tahun lalu dan semua ini dapat dilakukan dengan teratur dan telah menjadi sehati dalam diri beliau hasil bimbingan, serta dorongan daripada jurulatihnya, Encik Mohd Syahrul Amri Suhaimi yang sentiasa bersama dengan beliau sejak tahun 2014.


Selama berkecimpung dalam dunia sukan lompat jauh dan menjadi jaguh dalam acara tersebut, beliau telah mendapat berbagai-bagai pengiktirafan daripada pertubuhan dan organisasi, antaranya Olahragawan Kebangsaan (2016), Anugerah Kurniaan Pencapaian Gemilang Paralimpik Rio oleh Yayasan Tuanku Syed Putra (2017), Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena dengan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis (2017), Pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) (2017), Pingat Kecemerlangan Yayasan Tuanku Syed Putra (2018), *The Malaysia Book of Record (National Record)* bagi kategori *First Double Gold Medalist Paralympic Games (Long Jump T20)* dalam Sukan Paralimpik Tokyo (2020), *The BrandLaureate Award (Brand Icon Leadership)* bagi kategori ikon sukan (2021), *Nona*

*Superhero Award* (2021), Anugerah Khas Paralimpik sempena dengan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Sedunia Peringkat Kebangsaan (2021) dan Pingat Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk (2022).

Tokoh sukan lompat jauh tanah air ini sangat menaruh harapan yang tinggi terhadap kemajuan sukan para di negara ini, sakali gus mendapat tempat yang tinggi dalam arena sukan para serantau dan dunia. Beliau berharap, masyarakat dan peminat sukan akan kekal menyokong para atlet kelainan upaya negara sama seperti atlet sukan yang lain. Sokongan yang padu amat diperlukan ketika kalah mahupun menang dalam sebarang kejohanan sukan agar atlet para negara kekal bermotivasi dan gemilang. Pada masa yang sama, beliau juga berharap atlet para negara mendapat perhatian dan liputan media yang luas atau setidak-tidaknya sama dengan atlet bukan para kerana melalui cara ini, bakat dan potensi mereka dapat diketengahkan kepada khalayak umum demi kemajuan sukan Malaysia. Sesungguhnya sukan ialah alat penyatuan bangsa Malaysia dan kejayaan beliau pada hari ini diinspirasikan daripada semangat juang beliau yang tidak pernah putus asa. Kepada para pelajar, graduan dan siswazah UniMAP, pesanan ikhlas ini ditiptikan oleh beliau:

“Lakukanlah sesuatu kehendak itu secara bersungguh-sungguh dan sentiasa mohon restu ibu dan bapa untuk keberkatan.”

## PENERIMA IJAZAH KEHORMAT TERDAHULU




**YBHG. DATUK PROF. EMERITUS TS.  
DR. KAMARUDIN HUSSIN, FASc.**  
Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus  
Istiadat Konvokesyen Khas  
05 Oktober 2015



**YAB. TUN DR. MAHATHIR  
MOHAMAD**  
Ijazah Kehormat Ulung  
Doktor Kejuruteraan [Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Khas  
17 Mac 2011



**YABHG.  
TUN DR. SITI HASMAH MOHD. ALI**  
Ijazah Kehormat Ulung  
Doktor Sains [Hon. D. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Khas  
17 Mac 2011



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI  
IR. ABDALHIL ABDUL MAJID**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-15  
5 Mac 2022



**YBHG. DATO' HUSSAMUDDIN  
HAJI YAACUB**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-14  
16 November 2019



**YBRS. MS. ANNA MARIA BRAUN**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-14  
16 November 2019





**YBHG. PROFESOR EMERITUS  
DATO' IR. DR. ZAINAL MOHAMED**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng]  
Istiadat Konvokesyen Ke-13  
27 Oktober 2018



**YBHG. TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng]  
Istiadat Konvokesyen Ke-12  
28 Oktober 2017




**YBHG. TETSURO NISHIMURA**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-11  
22 Oktober 2016



**YBHG. TAN SRI DR.  
IR. AHMAD TAJUDDIN ALI**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-11  
22 Oktober 2016




**YBHG. PROF. DATO'  
DR. HAJI AHMAD SABIRIN ARSHAD**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-10  
19 September 2015



**YBHG. DATUK REDZA RAFIQ  
ABDUL RAZAK**  
Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi  
[Hon. D. Econ.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-10  
19 September 2015



**YBHG. PROF.  
DR. BURHANETTIN UYSAL**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-10  
19 September 2015



**YABHG. TUN DAIM ZAINUDDIN**  
Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi  
[Hon. D. Econ.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-9  
27 September 2014



**YBHG. PROF.  
DR. MOHAMMED A. BINHUSSAIN**  
Ijazah Kehormat Doktor Sains  
[Hon. D. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-9  
27 September 2014



**YBHG. TAN SRI DATO' SERI PADUKA  
DR. HAJI SHAFIE HAJI MOHD SALLEH**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-9  
27 September 2014



**YBHG. PROF.  
DR. ALI HUSSAIN RESHAK AL-JARRY**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-9  
27 September 2014




**YBHG. PROF. DR. (HC) DAHLAN ISKAN**  
Ijazah Kehormat Doktor Persuratan  
[Hon. D. Litt.]  
Majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat  
24 April 2014



**YBHG. DATO' YUSOF JUSOH**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-8  
21 September 2013



**YBHG. PROFESOR  
SIR ANTHONY JAMES LEGGETT**  
Ijazah Kehormat Doktor Sains  
[Hon. D. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Khas  
14 Januari 2013



**YBHG. TAN SRI DATO'  
HAJI ZAINUL ARIFF HAJI HUSSAIN**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-8  
21 September 2013



**YBHG. DATUK ZAKIAH HANUM  
HAJI ABDUL HAMID**  
Ijazah Kehormat Doktor Persuratan  
[Hon. D. Litt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-8  
22 September 2013




**YABHG. TUN AHMAD SARJI  
ABDUL HAMID**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-7  
29 September 2012




**ACADEMICIAN TAN SRI  
PROFESOR EMERITUS DATUK  
DR. AUGUSTINE ONG SOON HOCK**  
Ijazah Kehormat Doktor Sains  
[Hon. D. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-7  
29 September 2012





**YBHG. PROFESOR CIARÁN Ó CATHÁIN**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-7  
30 September 2012



**YBHG. DR. R. VARSANT KUMAR**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-6  
17 September 2011



**YBHG. TAN SRI  
DR. ZULKEFLI A. HASSAN**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-6  
17 September 2011




**YBHG. PROFESOR  
DATO' DR. HASSAN SAID**  
Ijazah Kehormat Doktor Doktor Sains  
[Hon. D. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-4  
15 Ogos 2009



**YBRS. PROFESOR DR. KARL KOHLHOF**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-4  
15 Ogos 2009



**YBHG. PROFESOR EMERITUS  
TAN SRI DATO' DR.  
SYED JALALUDIN SYED SALIM**  
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan  
[Hon. D. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-3  
16 Ogos 2008



**YBHG. DATO'  
MOHAMED YUNUS RAMLI ABBAS**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-2  
18 Ogos 2007



**YBHG. TAN SRI DATO' HAJI  
MUSA MOHAMAD**  
Ijazah Kehormat Doktor Sains  
[Hon. D. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Pertama  
22 Julai 2006



**YAB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN  
KASSIM**  
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan  
[Hon. D. Mgt.]  
Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis  
Konvokesyen Komemoratif  
17 Julai 2004



**YBRS. ENCIK GOH KHENG SNEAH**  
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan  
[Hon. M. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-15  
5 Mac 2022



**YBRS. ENCIK LAU KEAN CHEONG**  
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan  
[Hon. M. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-14  
16 November 2019



**YBRS. ENCIK AMIRUDIN ABD KADIR**  
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan  
[Hon. M. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-13  
27 Oktober 2018

Istiadat  
**KONVOKESYEN 16**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



**YBRS. ENCIK SHAHARIZAL HAJI ARIFFADILLAH**  
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan  
[Hon.M.Eng]  
Istiadat Konvokesyen Ke-12  
28 Oktober 2017



**YBRS. HAJJAH JARIYAH HASHIM**  
Ijazah Kehormat Sarjana Ekonomi  
[Hon. M. Econ.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-11  
22 Oktober 2016



**YBRS. TUAN HAJI TAHIRUDDIN TUN HAMDAN**  
Ijazah Kehormat Sarjana Sains  
[Hon. M. Sc.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-10 (Diploma)  
25 Julai 2015



**YBHG. DATO' DR. ANNUAR MOHD SAFFAR**  
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan  
[Hon. M. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-7  
30 September 2012



**YBRS. ENCIK MOHD PARID SULAIMAN**  
Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan  
[Hon. M. Eng.]  
Istiadat Konvokesyen Ke-6  
17 September 2011



## ANUGERAH, PINGAT DAN HADIAH PELAJAR CEMERLANG

### PERINGKAT UNIVERSITI

#### ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

Anugerah Pelajaran Diraja dikurniakan oleh Majlis Raja-Raja/Yang DiPertua Negeri menerusi Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kepada dua (2) orang graduan di peringkat ijazah pertama yang terserlah dan mencapai kecemerlangan tertinggi dalam bidang akademik. Selain itu, graduan juga hendaklah aktif dalam aktiviti ko-kurikulum yang meliputi persatuan/badan beruniform, mewakili universiti/negeri/negara dalam pertandingan seperti debat, reka cipta dan sebagainya serta juga aktif dalam sukan.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Penghargaan.

#### PINGAT EMAS CANSOLOR

Pingat Emas Canselor dikurniakan oleh UniMAP kepada dua (2) orang graduan di peringkat ijazah pertama yang terserlah dan cemerlang dalam bidang akademik serta ko-kurikulum seperti sukan/kelab/persatuan dan sekurang-kurangnya memegang jawatan penting, mewakili universiti/negeri/negara dalam debat, reka bentuk dan sebagainya. Selain itu, graduan juga hendaklah mempamerkan daya kepimpinan yang tinggi, ciri-ciri sahsiah yang mantap dan boleh dicontohi.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Penghargaan.

#### PINGAT EMAS NAIB CANSOLOR

Pingat Emas Naib Canselor dikurniakan oleh UniMAP kepada tiga (3) orang graduan di peringkat ijazah pertama dan dua (2) orang graduan di peringkat diploma yang mempamerkan kecemerlangan dalam bidang sukan dan persatuan. Selain itu, graduan juga hendaklah mempamerkan daya kepimpinan yang tinggi, ciri-ciri sahsiah yang mantap dan boleh dicontohi.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Penghargaan.

#### ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH

Anugerah Kecemerlangan Akademik Program Pengajian Siswazah dikurniakan oleh UniMAP kepada graduan yang memperoleh

tesis terbaik di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, tesis terbaik di peringkat Ijazah Sarjana, PNGK terbaik Sarjana Mod Campuran dan PNGK terbaik Sarjana Mod Kerja Kursus melalui penilaian dan perakuan daripada Jawatankuasa Penilaian Tesis Terbaik.

Graduan akan dikurniakan Pingat Bersadur Emas, Hadiah Wang dan Sijil Penghargaan.

#### HADIAH INOVASI

Hadiah Inovasi dihadiahkan oleh UniMAP kepada seorang graduan bagi setiap program pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Diploma yang menunjukkan daya Inovasi/keusahawanan terbaik dalam Projek Tahun Akhir.

Graduan akan dihadiahkan Wang dan Sijil Penghargaan.

#### HADIAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

Hadiah Kecemerlangan Akademik diberikan kepada dua (2) orang pelajar terbaik bagi setiap program pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Diploma untuk setiap kohort pengajian berdasarkan PNGK tertinggi.

### PERINGKAT TAJAAN LUAR

#### HADIAH PELAJARAN

Hadiah Pelajaran ditaja oleh pihak industri dan diberikan kepada dua (2) graduan cemerlang bagi setiap Fakulti di peringkat Ijazah Pertama dan Diploma yang memperoleh PNGK tertinggi. Selain itu, graduan juga hendaklah aktif dalam aktiviti ko-kurikulum seperti sukan/kelab/persatuan dan mempunyai ciri kepimpinan, berkelakuan baik, bebas tindakan Tatatertib Universiti serta mempamerkan kualiti peribadi yang baik.

#### BEM PRESIDENT AWARD

BEM President Award ini ditaja oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan diberikan kepada seorang (1) pelajar pra siswazah dalam bidang kejuruteraan yang memperoleh pencapaian akademik dan kokurikulum yang cemerlang di samping mempunyai ciri kepimpinan, bebas tindakan Tatatertib Universiti, serta mempamerkan kualiti peribadi yang baik.

Graduan akan dihadiahkan Wang dan Sijil Penghargaan.

## ANUGERAH, PINGAT DAN HADIAH PELAJAR CEMERLANG

### PERINGKAT UNIVERSITI

#### ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

1. MUHAMMAD IRFAN BIN ZAINUR  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan  
Kepujian
2. WONG E-HONG  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan  
Komputer)

#### PINGAT EMAS CANSELOR

1. NORHIDAYAH BINTI MOHD ROZI  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan  
Kepujian
2. RACHEL OOI QIAN YI  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian

#### PINGAT EMAS NAIB CANSELOR (Pelajar Tempatan)

1. MUHAMMAD AZMAN BIN MUHAMAT WAR-EN  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem dengan Kepujian
2. ANG SI WEI  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian

#### PINGAT EMAS NAIB CANSELOR (Pelajar Antarabangsa)

1. ALI SALEH ALI AL FARZAEAI  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian

#### PINGAT EMAS NAIB CANSELOR (Pelajar Diploma)

1. MOHAMMAD SYAFIZUL BIN ZOLKURNIN  
Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan)
2. LIM JIA CHYIN  
Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer)

#### ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH

#### ANUGERAH PNGK TERBAIK PROGRAM PENGAJIAN MOD CAMPURAN

1. SHAH AIFA BINTI SHAH JOHAN  
Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Rekabentuk Sistem  
Mikroelektronik)

#### ANUGERAH PNGK TERBAIK PROGRAM PENGAJIAN MOD KERJA KURSUS

1. ROS NADIRAH BINTI KAMALUDIN  
Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan  
Kejuruteraan)

#### HADIAH INOVASI (Sarjana Muda)

##### Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik

1. MUHAMMAD IZZAT BIN ARIFIN  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik  
(Teknologi Robotik dan Automasi) dengan Kepujian
2. FELIX WONG JING JIE  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
3. CHUAN DEIK SHAWN  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa  
Industri) dengan Kepujian
4. NURNAJWA IZZATI BINTI BAHARI  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan  
Mekatronik)

##### Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik

1. CHAN HUI HUI  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan  
Elektronik Bioperubatan)
2. MOHD ZAHIRUDDIN BIN MOHD JAMAL  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian

3. SYED MOHAMMAD AMMAR BIN SYED ALWEE ALJUNID  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
4. RESHMA PRIYA A/P SANGELEE THEVAN  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
5. MUHAMMAD FIRDAUS BIN ARMAN  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Rekabentuk Telekomunikasi Elektronik)
6. SALLINNA BINTI ROSLI  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Elektronik Bersepadu)
7. SAW SEH XIN  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Kepujian) (Sistem Elektronik)
8. MUHAMMAD SAIFULLAH BIN ARIFF JOHOR  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Rekabentuk Rangkaian Elektronik) dengan Kepujian
9. CHEAH SUIT CHEE  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Perhubungan)
10. ONG XIN MAY  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rangkaian Komputer)
3. VINAASHA A/P BALAKRISHNAN  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rekabentuk Produk)
4. NUR AQILAH BINTI JUSOH  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemesinan)
5. LIM TEIK WEI  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Sistem Pertanian)
6. NUR FATIN BAHJAH BINTI AZMI  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pembangunan Produk)
7. NG CHIN WEI  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) (Pemprosesan Bahan)
